

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 JUN 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Special SAR team of 250 may be stationed at Mt Kinabalu	The Rakyat Post
2.	Sasar 360 produk teknologi tinggi boleh dikomersial	Berita Harian
3.	Dua gempa bumi susulan	Utusan Malaysia
4.	Lagi gegaran susulan lemah di Ranau	Berita Harian
5.	Gempa bumi lemah landa Ranau, Sabah	BERNAMA
6.	Gempa bumi lemah berlaku di Tuaran, Sabah	BERNAMA
7.	Gempa 3.7 skala Richter landa Ranau	Utusan Malaysia
8.	MRM cadang tubuh Pusat Kepimpinan Rekaan	BERNAMA
9.	We have to be on guard	New Straits Times
10.	Book of little green steps	The Star

The Rakyat Post™

Special SAR team of 250 may be stationed at Mt Kinabalu

A total of 250 search and rescue (SAR) personnel are expected to be stationed at Mount Kinabalu National Park.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin said the establishment of the team was among the suggestions inserted in the working papers tabled in the upcoming Cabinet meeting next week.

"The SAR team was suggested to be placed permanently in Ranau. We don't know when another earthquake will happen and this is among the early preparations the government is doing.

"In desiring to do so, my suggestion includes skills training specifically for SAR personnel, including training for safety personnel like Rela members and the village folks living in the area," he told *The Rakyat Post* when contacted.

Dr Ewon is currently in the United States for two days and will be returning to Malaysia after officiating the BioShop shopping centre in San Francisco on Friday.

He added that the working papers were prepared by the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia), in collaboration with the National Security Council (NSC).

"We will include all relevant quarters, including geological centres, universities, geoscientists and other experts.

"They will all be involved in giving their views and this is being done now to be able to face natural disasters like earthquakes and tsunamis if they happen again in the future."

Speaking on surveillance centres and early earthquake warning systems that would be established, Dr Ewon suggested that the main centre be located in Ranau, Sabah.

"We already have a tsunami surveillance system. So now with an earthquake surveillance centre, it will give Malaysians confidence, especially those in Sabah and Sarawak, because they are still living in fear.

"This strong earthquake of a magnitude of 6 on the Richter scale has happened. It needs surveillance so that people will be more confident with the government's preparations to face any eventuality," said Dr Ewon.

To date, six earthquake detectors have been placed in Sandakan, Kudat, Kota Kinabalu, Tawau and Lahad Datu. The government expects to add three more detectors, including in Ranau by this September, to study seismic activities.

Sasar 360 produk teknologi tinggi boleh dikomersial

» RMKe-11 beri penekanan utama capai sasaran

Oleh Ahmad Fiesal Othman
fsal@bh.com.my

Kerajaan menyasar meningkatkan penghasilan produk berteknologi tinggi yang boleh dikomersialkan kepada 360 produk menjelang 2020 daripada hanya 57 pada lima tahun lalu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-TI), Datuk Abu Bakar Mohamad Diah, berkata usaha itu adalah penekanan utama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) bagi membantu lebih banyak produk yang dihasilkan menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) di negara ini menepati kehendak pasaran dan mampu dikomersialkan, selaras merealisasikan matlamat menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), sejumlah 172 produk berteknologi dihasilkan menerusi R&D, tetapi daripada jumlah itu hanya 57 produk berjaya dikomersialkan dalam tempoh lima tahun lalu.

"Bagi memastikan matla-



Abu Bakar (tengah), Zakri (kiri) dan Omi **pada sidang media** selepas perasmian Forum Sains dan Teknologi dalam Masyarakat di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]

“**Bagi memastikan matlamat itu tercapai, kerajaan juga menyasar untuk meningkatkan tenaga kerja di bidang sains dan teknologi kepada 72 peratus bagi setiap 10,000 pekerjaan daripada 67.7 peratus ketika ini**”

Abu Bakar Mohamad Diah,
Timbalan Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi

mat itu tercapai, kerajaan juga menyasar untuk meningkatkan tenaga kerja dalam bidang sains dan teknologi (S&T) kepada 72 peratus bagi setiap 10,000 pekerjaan daripada 67.7 peratus ketika ini,” katanya selepas merasmikan Forum Sains dan Teknologi dalam Masyarakat (STS) di Kuala Lumpur, semalam.

Kukuhkan kerjasama

Yang turut hadir ialah Pengasas dan Pengerusi Forum Sains dan Teknologi dalam Masyarakat (STS) Jepun, Koji Omi; Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Prof Tan Sri Zakri Abdul Hamid dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi

Tinggi (MIGHT), Datuk Dr Mohd Yusoff Sulaiman.

Forum itu menghimpunkan 100 pemimpin dalam S&T, pembuat dasar, perniagaan, media dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan negara anggota ASEAN dan Jepun.

Ia dianjurkan khusus bagi mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang S&T antara Jepun dan negara anggota ASEAN.

Abu Bakar berkata, antara matlamat penting penganjuran forum STS itu ialah untuk meningkatkan peranan S&T ke arah mencari penyelesaian dan kaedah mempertingkatkan lagi keupayaan menghasilkan produk berteknologi tinggi dan inovasi yang mampu dikomersialkan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 12 JUN 2015 (JUMAAT)

Jabatan Meteorologi terima maklumat setakat 11 pagi semalam

Dua gempa bumi susulan

■ KUALA LUMPUR 11 JUN

JABATAN Meteorologi menerima maklumat berlakunya dua gempa bumi susulan setakat 11 pagi ini di Ranau, Sabah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail berkata, pihaknya menerima laporan pertama iaitu gegaran dirasai pada gempa bumi lemah berukuran 3.0 skala Richter yang melanda timur laut Ranau pada pukul 7.20 pagi ini.

Katanya, pusat gegaran gempa bumi itu terletak di latitud 6.2 Utara dan longitud 116.8 Timur, kira-kira 20 kilometer (km) timur laut Ranau.

"Gempa bumi kedua berukuran

2.0 skala Richter yang dikesan berlaku pada pukul 8.59 pagi ini terletak kira-kira 16km timur laut Penampang dengan pusat gegaran di latitud 5.91 Utara dan longitud 116.24 Timur, tidak dirasai gegarannya.

"Bagaimanapun, tiada gempa bumi susulan berlaku selepas 11 pagi ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam pada itu, menurut Che Gayah, setakat pukul 11 pagi ini, sebanyak 59 gempa bumi susulan dilaporkan telah berlaku sejak 5 Jun lalu.

Menurut beliau, pihaknya tidak menjangkakan sebarang gempa di beberapa kawasan lain termasuk Kuala Lumpur susulan kejadian bencana itu di Sabah pada Jumaat lalu.



CHE GAYAH ISMAIL



Gempa bumi kedua berukuran 2.0 skala Richter yang dikesan berlaku pada pukul 8.59 pagi ini terletak kira-kira 16km timur laut Penampang dengan pusat gegaran di latitud 5.91 Utara dan longitud 116.24 Timur, tidak dirasai gegarannya"

CHE GAYAH ISMAIL
Ketua Pengarah
Jabatan Meteorologi

